



KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) MENGIKUT NEGERI 2024




Johor



Selangor



W.P. KL*



Pahang



W.P. Labuan

5

negeri
bertumbuh melebihi
pertumbuhan
nasional

6

negeri
menyumbang 73.4%
kepada KDNK
nasional



Selangor



W.P. KL*



Johor



Sarawak




Pulau Pinang




Perak

PERTUMBUHAN DAN SUMBANGAN KDNK NEGERI PADA HARGA MALAR 2015 (%)



PERTUMBUHAN DAN SUMBANGAN 6 NEGERI PENYUMBANG¹ TERATAS MENGIKUT SEKTOR (%)



¹Berdasarkan sumbangan kepada nilai ditambah nasional mengikut sektor

Petunjuk: 📈 Pertumbuhan 2024

📊 Sumbangan kepada KDNK Malaysia

*Termasuk W.P. Putrajaya

W.P.: Wilayah Persekutuan

KL: Kuala Lumpur

Supra merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri (Sektor Perlombongan & pengkuarian).

Sumber: Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Negeri 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Pertumbuhan ekonomi mengukuh di semua negeri pada 2024, dengan Johor, Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Pahang dan W.P. Labuan mencatat kadar pertumbuhan melebihi nasional 5.1 peratus

- Semua negeri mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang positif pada 2024. Lima negeri telah merekodkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang melebihi kadar pertumbuhan Malaysia iaitu 5.1 peratus. Negeri-negeri tersebut ialah Johor dengan 6.4 peratus, diikuti Selangor (6.3%), W.P. Kuala Lumpur (6.2%), Pahang (5.7%) dan W.P. Labuan (5.4%).
- Enam negeri iaitu Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Johor, Sarawak, Pulau Pinang dan Perak adalah penyumbang terbesar kepada ekonomi Malaysia. Secara kumulatif, negeri-negeri ini menyumbang 73.4 peratus kepada KDNK Malaysia pada 2024.
- Peningkatan nilai ditambah KDNK Malaysia pada 2024 berjumlah RM80.2 bilion, meningkat berbanding RM53.6 bilion pada 2023. Selangor mendahului dengan peningkatan sebanyak RM25.5 bilion, diikuti W.P. Kuala Lumpur (RM15.5 bilion), Johor (RM9.5 bilion) serta Sarawak dan Pulau Pinang, masing-masing RM5.5 bilion. Kelima-lima negeri ini menyumbang 76.7 peratus kepada kenaikan tersebut.
- Sektor **Perkhidmatan** menyumbang 59.4 peratus kepada KDNK Malaysia dengan pertumbuhan 5.3 peratus, berbanding 5.1 peratus pada tahun sebelumnya. Empat negeri merekodkan kadar pertumbuhan melebihi peringkat nasional iaitu W.P. Labuan (6.4%), Selangor (6.3%), Johor (6.0%) dan W.P. Kuala Lumpur (5.5%).
- Sektor **Pembuatan** yang menyumbang 23.1 peratus kepada KDNK Malaysia turut berkembang sebanyak 4.2 peratus, berbanding 0.7 peratus pada 2023. Negeri yang menunjukkan prestasi terbaik ialah Kedah mendahului pertumbuhan sektor ini dengan 6.6 peratus (2023: -3.2%), diikuti Perak dan Selangor, masing-masing 5.1 peratus.



- Penyumbang ketiga terbesar kepada KDNK Malaysia ialah sektor **Pertanian**, berkembang 3.1 peratus pada tahun 2024 (2023: 0.2%). Prestasi ini dipacu oleh pertumbuhan di Pahang dan Johor, masing-masing 8.4 peratus dan 4.2 peratus.
- Sektor **Perlombongan & pengkuarian** menyumbang 6.0 peratus kepada KDNK nasional pada 2024, menunjukkan pertumbuhan marginal 0.9 peratus namun lebih baik daripada tahun sebelum (0.5%). Sarawak merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan sektor ini, meningkat 4.1 peratus (2023: -0.1%). Sebaliknya Sabah yang merupakan penyumbang kedua tertinggi terus menyusut 5.0 peratus (2023: -4.5%).
- Sektor **Pembinaan** menyumbang 4.0 peratus kepada KDNK Malaysia, terus mengukuh dengan merekodkan pertumbuhan dua digit iaitu 17.5 peratus, berbanding 6.0 peratus pada 2023. Pertumbuhan ini didorong oleh prestasi memberangsangkan di Johor 42.7 peratus (2023: 12.7%), W.P. Kuala Lumpur 21.1 peratus (2023: -9.0%), Sarawak 18.7 peratus (2023: 8.9%) dan Selangor, 13.2 peratus (2023: 9.5%).
- Bagi KDNK per kapita, lima negeri kekal merekodkan nilai melepasi paras nasional (RM56,734) iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM136,365), W.P. Labuan (RM87,003), Pulau Pinang (RM76,033), Sarawak (RM73,426) dan Selangor (RM65,907).

